

D.R. 4/95

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

- 1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kastam (Pindaan) 1995. Tajuk ringkas.
- 2.** Akta Kastam 1967, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam subseksyen 2(1) dengan memotong perkataan "in transit" dalam takrif "inland clearance depot". Pindaan seksyen 2. Akta 235.
- 3.** Subseksyen 3(3) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "section" dengan perkataan "sections 13B". Pindaan seksyen 3.
- 4.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 8 seksyen yang berikut: Seksyen baru 8A.

Minister may prescribe uniforms, etc. 8A. The Minister may, by order published in the *Gazette*, prescribe—

 - (a) uniforms and rank markings for any rank of officers of customs; and
 - (b) the authority card and badge to be carried by any rank of officers of customs."

Pindaan
seksyen 9.

5. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda —

(a) dalam subseksyen (1) dan (2), dengan memasukkan sebelum perkataan "authority card" perkataan "badge or";

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

" (3) A badge or an authority card issued to an officer of customs shall be the property of the Government and shall be surrendered by such officer to the person appointed by the Director General for that purpose when such officer ceases to be an officer of customs or when instructed to do so."; dan

(c) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "Authority" dengan perkataan "Badges and authority".

Seksyen
baru 9A.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 9 seksyen yang berikut:

"Unlawful use, possession, etc. of uniform, etc. 9A. Any person, not being an officer of customs, who unlawfully wears, uses, possesses or displays otherwise than in the course of a stage play or other theatrical performance, any prescribed uniform or badge or authority card, or any dress having the appearance of or bearing the distinctive marks of such uniform shall be guilty of an offence under this Act."

Pemotongan
subseksyen
11(6).

7. Seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong subseksyen (6).

Pindaan
seksyen 13.

8. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen 13(1) dengan subseksyen yang berikut:

"Classifi- cation and valuation by proper officer of customs. 13. (1) The proper officer of customs may, in respect of any dutiable or uncustomed goods,—
(a) determine the class of goods to which such dutiable or uncustomed goods belong; and

(b) value, weigh, measure or otherwise examine, or cause to be valued, weighed, measured or otherwise examined such dutiable or uncustomed goods,

for the purpose of ascertaining the customs duty leviable thereon."

9. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 13 seksyen yang berikut: Seksyen baru 13A dan 13B.

"Payment of customs duty under protest. 13A. Any person who is dissatisfied with a decision of a proper officer of customs under section 13(1) as to whether any particular goods are or are not included in a class of goods appearing in an order made under section 11(1) or with the valuation, weighing, measuring or examining of any goods may pay the customs duty levied under protest.

Director General to determine questions on classification and valuation. 13B. Where customs duty has been paid under protest, the proper officer of customs shall, within thirty days of such payment being made, refer any question as to classification or valuation of goods to the Director General for his decision."

10. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 22 seksyen yang berikut: Seksyen baru 22A dan 22B.

"Certificate of Director General admissible in evidence. 22A. Notwithstanding anything contained in any other written law or rule of evidence to the contrary, where in any proceedings a document purporting to be a certificate under the hand of the Director General in respect of a decision made by him under section 13B or 22 is produced, such document shall be admissible in evidence and shall be accepted as sufficient evidence of the facts therein stated and the Director General shall not be required to give evidence in respect of such decision unless the court otherwise orders.

Recovery of customs duty as a civil debt. 22B. Without prejudice to any other remedy, any customs duty payable under this Act may be recovered by the Minister as a civil debt due to the Government of Malaysia, or where the customs duty is a duty of a category assigned to the State by Article 112c of the Federal Constitution, to the Government of that State."

Pindaan seksyen 129. 11. Seksyen 129 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "or other person entitled thereto" perkataan "on payment of such amount and".

Pindaan seksyen 131. 12. Seksyen 131 Akta ibu adalah dipinda—
 (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "Any" dengan perkataan "Except as provided in subsection (2A), any"; dan
 (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

" (2A) The Director General may compound an offence under paragraph (a), (b), (c), (d) or (e) of subsection (1) of section 135 by accepting from the person reasonably suspected of having committed such offence a sum of money which shall be a sum not less than two times and not more than ten times the customs duty."

13. Seksyen 138 Akta ibu adalah dipinda—
 (a) dengan memasukkan selepas perkataan "permit is issued" perkataan "or any exemption is granted"; dan
 (b) dengan menggantikan perkataan "five" dengan perkataan "ten".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Kastam 1967 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda takrif "inland clearance depot" dengan memotong perkataan "in transit" untuk tidak menghadkan aktiviti di depot kepada pengendalian dan penstoran sementara barang-barang dalam transit tetapi juga untuk membenarkan pelepasan barang-barang di depot.
3. *Fasal 3* bertujuan meminda subseksyen 3(3) Akta untuk menggantikan perkataan "section" dengan perkataan "sections 13B". Ini adalah suatu pindaan berbangkit yang perlu disebabkan oleh kemasukan seksyen baru 13B.
4. *Fasal 4* bertujuan memasukkan seksyen baru 8A untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan pakaian seragam, tanda pangkat, kad kuasa dan lencana bagi pegawai kastam.
5. *Fasal 5 (a)* bertujuan meminda seksyen 9 Akta untuk menghendaki seseorang pegawai kastam mengemukakan apabila diminta, selain daripada kad kuasa, apa-apa lencana sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah untuk dibawa oleh pegawai itu. *Fasal 5(b)* bertujuan mengadakan peruntukan bagi penyerahan balik lencana dan kad kuasa seorang pegawai kastam apabila dia terhenti menjadi pegawai kastam atau apabila diarahkan berbuat demikian.
6. *Fasal 6* bertujuan memasukkan seksyen baru 9A untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi seseorang untuk memakai, menggunakan, memiliki atau memperagakan dengan menyalahi undang-undang suatu pakaian seragam, lencana atau kad kuasa yang ditetapkan, melainkan dalam suatu persembahan teater.
7. *Fasal 7* bertujuan memotong subseksyen 11(6). Peruntukan ini diperbuat semula sebagai seksyen baru 22B melalui *fasal 10*.
8. Dalam proses menentukan duti kastam yang boleh dilevi ke atas barang-barang, pegawai kastam yang hak hendaklah, antara lain, menentukan kelas barang-barang yang dalamnya barang-barang berduti atau tak berkastam itu termasuk. *Fasal 8* bertujuan meminda subseksyen 13(1) untuk membolehkan pegawai kastam yang hak bukan sahaja untuk menilaikan barang-barang tetapi juga untuk mengelaskannya.
9. *Fasal 9* bertujuan memasukkan dua peruntukan baru. Seksyen 13A yang dicadangkan bertujuan membolehkan orang yang tidak berpuas hati dengan sesuatu pengelasan atau penilaian membayar duti kastam dengan bantahan. Seksyen 13B yang dicadangkan bertujuan membolehkan Ketua Pengarah membuat keputusan mengenai apa-apa soalan tentang pengelasan yang dirujuk kepadanya.

10. *Fasal 10* bertujuan memasukkan dua seksyen baru. Seksyen 22A yang dicadangkan bertujuan memperuntukkan bahawa jika Ketua Pengarah telah membuat suatu keputusan di bawah seksyen 13B atau 22, maka pengemukaan suatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan keputusan itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dan hendaklah menjadi keterangan mencukupi mengenai fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya tanpa perlu memanggil Ketua Pengarah untuk memberi keterangan dalam mahkamah.

11. *Fasal 11* bertujuan meminda seksyen 129 untuk membolehkan Ketua Pengarah mengarahkan bayaran dibuat sebelum barang-barang atau amaun yang dilucuthak dihantar-serah atau dibayar balik kepada pemunya atau orang yang berhak kepada barang-barang atau amaun itu.

12. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 131 Akta untuk menambah amaun kompaun yang boleh diterima berkenaan dengan hal di bawah perenggan (a), (b), (c), (d) dan (e) subseksyen 135(1). Amaun kompaun yang boleh diterima hendaklah suatu jumlah wang tidak kurang daripada dua kali ganda dan tidak lebih daripada sepuluh kali ganda duti kastam.

13. *Fasal 13* bertujuan meminda seksyen 138 Akta bagi memperuntukkan bahawa apa-apa pelanggaran syarat dan sekatan suatu pengecualian yang diberikan adalah menjadi suatu kesalahan. Penalti juga telah dinaikkan daripada suatu denda tidak melebihi Hma ribu ringgit kepada denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1806.]